

13/09/1997

Perwakilan rugi tidak bahas isu agama

PRESIDEN Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam ucapannya menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno menyifatkan perbahasan terhadap ucapan dasarnya di perhimpunan itu agak hambar kerana perwakilan kurang berminat berbincang mengenai nilai dan budaya. Tidak saja Dr Mahathir berpendapat demikian tetapi pemerhati, wartawan dan sesetengah perwakilan sependapat mutu perbahasan perwakilan kali ini tidak meningkat.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik memberitahu media mesej ucapan Dr Mahathir menyeru umat Islam negara ini supaya jangan mementingkan bentuk dan simbol agama umumnya tidak begitu difahami kebanyakan perwakilan. Mereka terpukau dengan huraian Presiden dan dewan senyap sepanjang ucapan itu, kata Sabbaruddin. Tetapi pada anggapannya, kebanyakan mereka tidak dapat mengikuti dengan jelas huraian presiden yang mendalam itu.

Memang hampir setiap perwakilan memuji dan menyanjung Presiden kerana ucapannya itu. Hanya Dr Mahathir saja yang berani membuat ucapan seperti itu, kata mereka. Seorang pengarang akhbar harian terkemuka kemudian bertanya, mengapakah pemimpin lain tidak berani membuat ucapan seperti itu? Mengapakah tanggungjawab menyeru Umno dan umat Islam supaya membanteras gejala 'ekstremisme', ketaksuban dan kemunafikan; dalam masyarakat Islam sekarang dipertanggungjawabkan kepada Presiden Umno saja?

Sedangkan setiap ahli dan pemimpin Umno di setiap peringkat mengetahui Umno dan kerajaan pimpinan Umno sejak merdeka banyak menabur bakti meningkatkan syiar Islam di negara ini, wartawan itu menegaskan.

Sebenarnya apa yang dihuraikan oleh Presiden Umno itu bukanlah sesuatu yang baru. Pemikiran Dr Mahathir mengenai Islam umumnya dan seruannya supaya bangsa Melayu menghayati budaya baru demi menangani cabaran hidup yang getir dalam era sekarang sebenarnya diselitkan dalam banyak ucapannya pada masa lalu.

Saya masih ingat ucapannya pada awal 80-an; beliau menggesa rakyat supaya meninggalkan nilai hidup yang bergantung semata-mata kepada pertolongan kerajaan. Untuk maju rakyat harus berusaha sendiri, rajin dan tekun, katanya. Tidak lama dulu dalam ucapannya di Malaysia Timur, Dr Mahathir menasihatkan orang Melayu yang berhijrah ke bandar supaya jangan meninggalkan budaya hidup mereka di kampung melainkan hendaklah terus mengamalkan nilai gotong-royong dan nilai kerukunan hidup tetangga agar mereka dapat menghindarkan nilai hidup kota yang mementingkan 'individualisme'.

Begitu juga tidak lama dulu Dr Mahathir menegaskan betapa pentingnya bangsa Melayu membina satu peradaban baru yang sesuai dengan tahap bangsa Melayu kelak sebagai suatu bangsa yang maju dan gagah.

Salah faham dan kekeliruan terhadap pandangan beliau mengenai agama Islam bukanlah timbul hanya sekarang. Kekeliruan itu berlaku akibat prasangka musuh politiknya dan juga akibat sesetengah kita yang tidak memahami pemikirannya. Seperti yang dibayangkan Dr Mahathir dalam ucapannya, mungkin ada sesetengah ahli Umno sendiri tidak bersetuju dengan ucapannya.

Dr Mahathir memegang tampuk pimpinan negara ketika masyarakat sedang pesat melalui peralihan daripada sistem pertanian ke arah satu sistem pembuatan dan industri. Masalah yang dihadapinya sebagai pemimpin ialah mencari ikhtiar dan cara bagaimana bangsanya yang masih tebal dengan nilai

hidup tradisional untuk menerima perubahan serta menyesuaikan diri dengan perubahan itu supaya mereka tidak ketinggalan dalam persaingan hidup dengan kaum lain.

Jika kita mengimbas kembali masa peringkat awal pimpinannya, Dr Mahathir tidak teragak-agak menerapkan nilai Islam dalam kehidupan masyarakat di setiap bidang. Dia mengambil inisiatif menerapkan nilai Islam dalam pentadbiran kerajaan, sekadar untuk menyebut satu contoh saja.

Satu contoh yang jelas ialah keutamaan yang diberikannya untuk meningkatkan taraf jabatan agama dan mahkamah syariah. Memang diakui masih banyak kelemahan dalam pentadbiran jabatan agama dan mahkamah syariah. Tetapi ini ialah kerana proses pembaharuan itu masih dalam peringkat awal lagi.

Pandangan Dr Mahathir pada dasarnya mengenai agama Islam ialah agama Islam tidak akan dapat kita tingkatkan martabatnya kalau umat Islam sendiri hidup dalam keadaan mundur. Kemunduran umat Islam khususnya kemunduran bangsa Melayu bukan kerana agama Islam tetapi kerana kita cenderung mengutamakan simbol dan bentuk saja.

Sebenarnya tanggapan Dr Mahathir ini bukan baru. Pemimpin reformis Islam sebelum perang dulu juga sering menyesali kecenderungan orang Melayu membincangkan soal agama yang remeh-temeh daripada membicarakan isu-isu yang berkaitan langsung dengan kemunduran bangsa Melayu dalam bidang ekonomi. Umpamanya syarahan agama cenderung menjurus kepada topik seperti bagaimana kaedah agama yang sebenarnya untuk menyembelih ayam, adakah sah sembahyang kita kalau kita tidak memakai songkok atau memakai tali leher.

(END)